

KENYATAAN MEDIA

22 APRIL 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Pastikan Sistem Pendawaian Sekolah Tahfiz Selamat

Sandakan, 22 Apr. – Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Suruhanjaya Tenaga (ST), beberapa siri program *Touchpoint* telah diatur di seluruh negara untuk tahun ini, dengan program permulaan di Maahad Al-Itqon, Lilogh Wa'alquran yang terletak di Program Perumahan Rakyat Sungai Manila, Batu 12, di sini hari ini.

Program *Touchpoint* ini telah dimulakan pada tahun 2016, di mana ST membantu premis institusi-institusi yang tidak berkepentingan serta golongan yang tidak berkemampuan untuk memastikan pendawaian elektrik di kediaman yang mereka duduki selamat.

Bagaimanapun untuk tahun ini, ST membuat kelainan dengan menyelia sendiri proses pendawaian semasa pusat tahfiz ini masih dalam pembinaan lagi, dalam menjamin penggunaan kelengkapan elektrik yang disahkan selamat oleh SIRIM-ST serta pelantikan orang kompeten oleh pihak kontraktor.

ST memperuntukkan sebanyak RM10,000 untuk maahad ini, di mana kos ini meliputi kerja-kerja pendawaian, pengujian serta pemasangan kelengkapan elektrik seperti kipas dan lampu.

Seiring dengan visi ST untuk menjadi badan kawal selia sektor tenaga bertaraf dunia yang berkesan serta berwibawa, keselamatan orang awam merupakan antara agenda utama ST. Justeru, ST mengambil inisiatif ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan dalam memastikan pendawaian elektrik sentiasa selamat.

Selain itu, ST turut menekankan kepentingan untuk memastikan sistem pendawaian di kediaman masing-masing mempunyai alat perlindungan yang sempurna, iaitu Peranti Arus Baki

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

(PAB). Ini kerana PAB mampu melindungi pengguna daripada terkena renjatan elektrik sekiranya berlaku kebocoran arus atau litar pintas.

Program CSR kali ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan kontraktor elektrik di kawasan Sandakan yang berdaftar dengan ST. Selain di sini, program *Touchpoint* ini akan diteruskan di beberapa negeri lain termasuk di Melaka, Johor dan Perak.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Muhammad Faisal Muhammad Yusoff

Unit Komunikasi Korporat/Pejabat Kawasan Pantai Timur Negeri Sabah

Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/089 666695/013 2183778 (Zairulliati)/013 7730903 (Faisal)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitihaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/mfaisal@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.